

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN JULIAN TAN KOK PING  
[ STAMPIN ]**

**TARIKH JAWAPAN : 14 OKT 2014 (SELASA)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan keberkesanan SEDA ACT 46 dalam membanteras pencurian kabel di Sarawak setelah ianya diterima pakai di Sarawak pada 2 April 2014.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari atau SEDA telah ditubuhkan pada tahun 2011 dibawah Akta 726 atau *Sustainable Energy Development Authority Act 2011*. SEDA bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Tenaga Boleh Baharu (TBB) 2011 [Akta 725]. Berpandukan kepada Seksyen (1)(2)(a) kepada Akta 725, pemakaian Akta tersebut hanya berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dan tidak terpakai kepada negeri Sarawak. Dalam hal ini, isu kecurian kabel di Sarawak adalah tertakluk di bawah Ordinan Elektrik Sarawak.

\*\*\*\*\*